

📅 Jumaat, Jan 19 2018

## Masnizam dilantik Presiden Prasarana

BH 19/1

➔ Jawatan bagi tempoh tiga tahun berkuat kuasa serta-merta

Oleh Suffian A Bakar  
suffian@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

**M**enteri Kewangan Diperbadankan (MKD) semalam mengumumkan pelantikan Masnizam Hisham sebagai Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana Malaysia Bhd (Prasarana) yang baharu.

Kementerian Kewangan dalam kenyataan semalam, memaklumkan pelantikan itu bagi tempoh tiga tahun berkuat kuasa serta-merta, menggantikan Datuk Seri Azmi Abdul Aziz yang tamat tempoh perkhidmatan pada 31 Disember 2017.

Masnizam sebelum ini adalah Ketua Pegawai Eksekutif, Prasara-

na Integrated Management and Engineering Services Sdn Bhd (PRIME), anak syarikat milik penuh Prasarana.

### Berkhidmat 12 tahun

Beliau berkhidmat di Prasarana selama 12 tahun dari 2005 sebagai Ketua Bahagian Perundangan dan Setiausaha Syarikat di RapidKL, selain menjawat Ketua Bahagian Perolehan Kumpulan, Ketua Bahagian Komunikasi dan Pemasaran Strategik serta Ketua Pegawai Perkhidmatan Infrastruktur Prasarana.

Sebagai Ketua Pegawai Eksekutif PRIME, beliau bertanggungjawab dalam memastikan kejayaan Projek Al Mashaaer Al Mugaddassah Metro-Southern Line (MMMSL) di Arab Saudi, latihan pekerja MRT Jakarta dan pembangunan infrastruktur

Prasarana termasuk perolehan tren, bas dan pembinaan depot.

Pelantikan beliau bertepatan dengan pertambahan peranan Prasarana yang membabitkan pengoperasian LRT, Monorail, MRT, Bus Rapid, Feri Pulau Pinang serta Sistem Transit Rapid (RTS) yang membabitkan Kerajaan Malaysia dan Singapura.

"Dengan pelantikan itu, adalah diyakini bahawa beliau berupaya memastikan kecekapan dan keberkesanan pengurusan serta operasi Prasarana dapat diteruskan dan dipertingkatkan.

"MKD merakamkan penghargaan kepada Azmi yang memberikan perkhidmatan cemerlang sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Prasarana sebelum ini," kata kenyataan itu.



Info

**Masnizam Hisham**

➔ **Jawatan sebelum ini:** Ketua Pegawai Eksekutif, Prasarana Integrated Management and Engineering Services Sdn Bhd (PRIME)

➔ **Tempoh berkhidmat di Prasarana: 12 tahun dari 2005** sebagai Ketua Bahagian Perundangan dan Setiausaha Syarikat di RapidKL

➔ **Jawatan lain:** Ketua Bahagian Perolehan Kumpulan, Ketua Bahagian Komunikasi dan Pemasaran Strategik serta Ketua Pegawai Perkhidmatan Infrastruktur Prasarana.